Pelihara kemerdekaan diwariskan Tunku Abdul Rahman

Kuala Lumpur: Kemerdekaan negara yang diwariskan bapa kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra perlu sentiasa dipelihara bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai sebuah negara bebas dan berdaulat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, komitmen itu selaras hasrat kerajaan melahirkan masyarakat Malaysia MADANI yang sentiasa saling hormat menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban yang diselaputi sifat ihsan, saling membantu bagi memastikan masyarakat hidup sejahtera tanpa bersengketa.

"Kemerdekaan diwariskan Tunku Abdul Rahman hendaklah sentiasa dipelihara seperti disebut Almarhum dalam pemasyhuran kemerdekaan 67 tahun lalu - 'Negara kita ini hendaklah kekal merdeka dan berdaulat, dan seluruh rakyatnya aman, sejahtera dan sentosa selama-lamanya'

"Kini, ia menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara kemerdekaan ini dan memberi makna kepada sebuah negara yang bebas dan berdaulat," katanya pada Program Mengenang Negarawan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj 'Negarawan Sejuta Jasa' di sini semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

Turut hadir, Menteri Perpaduan Negara, Datuk Aaron Ago Dagang serta cucu lelaki dan waris tunggal tunku, Tunku Muinuddin Tunku Ahmad Nerang.

Anwar berkata, negarawan ulung ini sudah membina, mencorak dan membuka langkah untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya tidak hanya dari segi pembangunan malah kualiti rakyatnya.

"Tun Abdul Razak melalui ucapannya di Dewan Rakyat pada Februari 1972 juga mengakui ketokohan Tunku dengan menyatakan bahawa Tunku sudah muncul pada saat yang penting dalam sejarah perjuangan bangsa kita.

"Tema 'Negarawan Sejuta Jasa' amat tepat bagi menggambarkan pengorbanan, sumbangan dan jasa Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia ini," katanya.

Katanya, tunku juga seorang pemimpin berwawasan dan berpandangan jauh, khususnya usaha beliau dalam mencadangkan penubuhan Malaysia iaitu gabungan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara (Sabah), Sarawak, Brunei dan Singapura.

"Ini (penubuhan Malaysia) demi mencapai kestabilan dan keseimbangan kaum serta mengekang fahaman komunis yang berleluasa ketika itu.

"Hasrat menubuhkan Malaysia sudah dinyatakan ketika tunku berucap dalam satu majlis jamuan makan tengah hari anjuran Persatuan Wartawan Asing Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961," katanya.